KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

چانغ
CANANG

DISEMBER 2020

Pada hemat Beta, sesuai dengan suasana Majlis Ilmu, tidak syak lagi, perkara wabak koronavirus mustahak untuk dibuat kajian dan huraian termasuk mencari jawapan mengapa wabak ini, Alhamdulillah, dapat dikawal dengan berkesan di negara kita, adakah pada pendapat para ilmuan, bahawa diantara sebabnya ialah, kerana kita terus mematuhi piawaian standard antarabangsa, disamping secara konsisten menggunakan 'vaksin ketuhanan' berupa ayat-ayat al-Qur'an dan do'a-do'a?

Perkara ini penting, kiranya dengan kajian dan huraian itu akan dapat menyingkap sedikit hikmah disebalik kejadian. Sesungguhnya hikmah itu mampu untuk memberi impak kepada jiwa sebagai pengajaran.

Kita semua yakin, setiap kejadian yang didatangkan oleh Allah adalah tidak sunyi dari mengandungi hikmah. Kerana itu ia perlu difahami dan dipelajari untuk mengetahui hikmah itu. Jika hikmah dapat diketahui walaupun sedikit, maka kesannya adalah mampu untuk menumbuhkan keinsafan atau kesedaran di hati kita. Inilah harganya hikmah itu.

Petikan Titah

Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah

Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,

Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

BAGI MAJLIS ILMU 2020

SEMPENA SAMBUTAN HARI ULANG TAHUN KEPUTERAAN BAGINDA YANG KE-74 TAHUN

http://kkbs.gov.bn/pelanstrategikkitoni/Home.aspx

"Ke arah merealisasikan Hasrat Bangsa Brunei Cemerlang, Kementerian ini sentiasa komited dalam memberikan perkhidmatan yang berkualiti berpaksikan Melayu Islam Beraja dan Prinsip مقاسيد الشرعية .

Sebagai sebuah organisasi, kita perlu bersiap siaga untuk menghadapi perubahan dan pelbagai cabaran yang akan datang, baik dalam mahupun luar negara. Ini memerlukan pendekatan *whole-of-nation* iaitu melibatsamakan semua peringkat masyarakat mendukung Wawasan Brunei 2035. Sejak sekian lama, Kementerian ini telah berjaya menjalinkan hubungan kerjasama yang erat dengan pelbagai masyarakat, kita memupuk kerjasama yang positif untuk menyumbang kepada pembangunan bangsa dan negara. Kami percaya bahawa **Menjalin Kerjasama dengan Masyarakat** adalah asas perkhidmatan yang responsif dan berjaya.

Pelan Strategik 5 tahun ini membolehkan kita menetapkan sasaran yang lebih tinggi untuk dicapai dan berimpak dalam mempertingkatkan perkhidmatan kita kepada masyarakat. Kunci kejayaannya ialah keupayaan untuk menyesuaikan diri dan sentiasa mendapatkan penyelesaian yang inovatif."

Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin

MAJLIS PENYERAHAN BANTUAN KEWANGAN KERAJAAN KEPADA MANGSA BENCANA ATAP TERBANG DAN MANGSA BENCANA KEBAKARAN

Rabu, 09 Disember 2020
Bilik Kunjungan,
Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui peruntukan Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan kepada kepada empat mangsa bencana atap terbang akibat angin kencang dan hujan lebat yang terjadi pada 19 November 2020, di Daerah Belait; dan kejadian kebakaran rumah di RancanganPerumahan Negara (RPN) Kampung Rataie, pada 3 Disember 2020.

KUNJUNGAN HORMAT

TUAN YANG TERUTAMA
EMAD BIN ABDUL AZIZ BIN SAAD AL MUHANNA,
DUTA BESAR ISTIMEWA DAN MUTLAK DARI KERAJAAN SAUDI ARABIA

Selasa, 22 Disember 2020
Bilik Kunjungan,
Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.

MAJLIS PELANCARAN BUKU DASAR BELIA NEGARA DAN STRATEGI 2020-2035 DAN BUKU GARIS PANDUAN SUKARELAWAN

Dewan Silaturahim, Pusat Belia, BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 Disember -Buku Dasar Belia Negara dan Strategi 2020 - 2035 (DBNS 2020-2035) ialah semakan semula dan pengemaskinian dari Dasar Belia Negara yang telah diterbitkan pada tahun 2002 dan merupakan sebuah 'living document' yang telah dan akan terus disesuaikan dengan kehendak dan persekitaran semasa yang menuntut para belia negara bersiap siaga dalam merealisasikan matlamat negara khususnya, dalam menjayakan Wawasan Brunei 2035.

Manakala Buku Garis Panduan Sukarelawan diterbitkan sebagai garis panduan yang lebih komprehensif kepada para sukarelawan dan agensi-agensi pelaksanaan di Negara Brunei Darussalam dan menerangkan hak serta keistimewaan para sukarelawan yang menyertai mana-mana aktiviti serta kerja sukarela. Ia juga bertujuan untuk menjadi rujukan kepada agensi-agensi pelaksanaan dalam menganjurkan aktiviti dan kerja sukarela di negara ini.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin menyempurnakan majlis pelancaran.

http://www.belia-sukan.gov.bn/Terbitan%20Docs/DBNS.pdf

PENANDATANGANAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) DI ANTARA KKBS BERSAMA INSTITUSI-INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM DAN SWASTA TEMPATAN

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin menyaksikan penandatanganan memorandum persefahamaan.

Dewan Kuliah, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, BERAKAS, Selasa, 1 Disember - Dalam usaha mendukung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai penggunaan pendekatan 'Whole of Nation' untuk meningkatkan kualiti kehidupan rakyat terutama sekali dalam menyahut pergolakan Revolusi Industri Keempat (4IR), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) terus mengembangkan rangkaian rakan-rakan strategik dalam pelbagai bidang kerjasama selaras dengan salah satu objektif strategik yang terkandung di dalam Pelan Strategik KKBS 2020-2024 iaitu 'Meningkatkan Kerjasama Strategik Melalui Pendekatan Seluruh Negara'. Antara lain bidang kerjasama termasuk pertukaran idea-idea, lawatan dan maklumat dalam bidang berkaitan; pelaksanaan kajian penyelidikan, pemuliharaan, penerbitan dan pendokumentasian hasil penyelidikan; akses kepada bahan, sumber perpustakaan; penggunaan fasiliti dan pembentukan teknologi digital, perisian maklumat dan inovasi.

Menandatangani MoU bagi pihak KKBS ialah Setiausaha Tetap (Pengurusan Strategi dan Dasar), KKBS, Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan.Manakala mewakili institusi-institusi pengajian tinggi awam dan swasta ialah Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal; Naib Canselor UTB, Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman; Ra'es KUPU SB, Dr. Haji Adanan bin Haji Basar dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) IGS, Dr. Azaharaini bin Haji Mohd Jamil.

MUSABAQAH TILAWATIL QURAN BELIA KEBANGSAAN (MTQBK) 1442 HIJRAH / 2020 MASIHI PERINGKAT AKHIR

Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 Disember - Qari, Awangku Adi Nazri bin Pengiran Haji Jofri dan Qariah, Dayangku Fauziah Nadhirah binti Pengiran Haji Jofri, dinobatkan johan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan (MTQBK) 1442 Hijrah / 2020 Masihi Peringkat Akhir dan masing-masing menerima piala pusingan, piala iringan, wang tunai BND2,000 dan sijil penyertaan.

Manakala Qari, Awang Afiq Haririe bin Haji Awang Mat Daud, dan Qariah, Dayang Najla Sabreebinti Haji Abdul Rajid, Memenangi tempat kedua dan menerima piala iringan, wang tunai BND1,500 berserta sijil penyertaan.

Manakala, qari, Awang Haji Hazwan bin Haji Salim dan qariah, Dayangku Nurul Sakinah Adawiyah binti Pengiran Ainolazahar meraih tempat ketiga dan menerima piala iringan, wang tunai BND1,000 juga sijil penyertaan. Manakala setiap peserta qari juga qariah lainnya turut menerima hadiah saguhati, iaitu piala iringan, wang tunai na BND500 dan sijil penyertaan.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin selaku tetamu kehormat majlis, menyempurnakan penyampaian hadiah, cenderamata dan sijil penyertaan.

PERUTUSAN YANG BERHORMAT MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN SEMPENA HARI ANTARABANGSA ORANG KELAINAN UPAYA (HAOKU) 2020

1. Tarikh 3 Disember 2020 merupakan Hari Antarabangsa Orang Kelainan Upaya (HAOKU) ataupun International Day of Persons with Disabilities yang telah diraikan sejak pengisytiharannya oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pada tahun 1992. Sambutan ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai, meraikan pencapaian dan sumbangan golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) didalam masyarakat di seluruh dunia.

2. Tema sambutan HAOKU pada tahun ini adalah "**Not All Disabilities are Visible**" yang mana tema ini ingin mengetengahkan pemahaman mengenai jenis kecacatan yang bersifat bukan fizikal dan tidak dapat dikenali dengan mata kasar, seperti kecacatan intelek, mental dan pendengaran. Dalam menyambut HAOKU pada tahun ini, Negara Brunei Darussalam juga ingin menggalakkan usaha berterusan dalam meraikan dan memperkasa golongan OKU, serta menyeru penglibatan masyarakat dalam membina sistem sokongan kepada golongan OKU.

3. Bagi memastikan OKU di Negara ini diberikan peluang yang sama dan bagi mencapai kualiti kehidupan yang baik, beberapa tindakan seperti menggubal dasar-dasar yang berkaitan dengan golongan OKU serta rebiu Pelan Tindakan Orang Kelainan Upaya di bawah Jawatankuasa Khas Warga Emas dan Orang Kelainan Upaya, Majlis Kebangsaan Isu Sosial sedang dilaksanakan. Pelan tindakan ini diantaranya mengandungi strategi Pembangunan OKU, Kesejahteraan OKU, Kebajikan OKU dan Sistem Sokongan OKU.

4. Diantara isu kritikal yang dikenalpasti dalam pembangunan golongan OKU adalah pengupayaan golongan OKU untuk hidup secara berdikari dengan sokongan masyarakat dari segi dasar, infrastruktur dan moral. Lebih banyak kemajuan diperlukan terutama untuk memperluas peluang pekerjaan bagi orang kelainan upaya, termasuk sokongan khusus daripada bakal majikan dan anggota masyarakat untuk memberikan peluang kepada penghidupan setara.

5. Setentunya, perkembangan golongan OKU yang berkhidmat dalam sektor kerajaan dan sektor swasta adalah diberikan tumpuan. Melalui kajiselidik secara berfasa yang dilaksanakan Kementerian Kebudayaan. Belia dan Sukan, didapati lebih 130 OKU yang sedang bekerja. Manakala maklumat dikumpulkan oleh Sekretariat Tetap Manpower Planning and Employment Council (MPEC) juga mengenalpasti lebih 480 OKU yang boleh bekerja. Ini jelas menunjukkan perlunya pengiktirafan yang lebih besar terhadap golongan OKU sebagai anggota masyarakat yang dihargai, yang dapat menyumbang ke arah pembangunan negara.

6. Dalam hal ini, Negara Brunei Darussalam, melalui pendekatan secara senegara (Whole of Nation) akan terus berusaha untuk meningkatkan lagi keberkesanan program yang akan memperkuatkan kebolehkerjaan dan kebolehpasaran bagi golongan OKU Sebagai contoh:

   a) Melalui revitalisasi Pusat Bahagia dibawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, sebagai Pusat Kecemerlangan bagi orang kelainan upaya, program pra-vokasional akan disediakan yang akan meningkatkan latihan dan pengembangan kemahiran hidup mereka untuk memastikan ianya lebih relevan dengan memenuhi keperluan pasaran pekerjaan semasa.

   b) Meningkatkan penyertaan golongan OKU dalam latihan vokasional dan program yang ditawarkan oleh institusi kerajaan serta entiti swasta, pusat dan persatuan, untuk memperluas peluang pekerjaan bagi golongan OKU, yang bertujuan untuk melengkapkan kemahiran serta memberikan pengetahuan dan latihan pekerjaan, dan pengalaman untuk mempersiapkan pelajar untuk kerjaya tertentu, seperti melalui penempatan pekerjaan.

   c) Memudahcara peralihan dari alam persekolahan ke alam pekerjaan (school-to-work transition) antara Sekretariat Tetap MPEC dan Unit Pendidikan Khas di bawah Kementerian Pendidikan, yang bertujuan bagi pelajar kelainan upaya memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk mempersiapkan mereka untuk dunia pekerjaan dan keusahawanan, semasa tamatnya tempoh belajar di sekolah menengah, sama ada mengikuti Program Pendidikan Khas secara mainstream atau Program Pra-Vokasional. Inisiatif ini juga menyokong aspirasi Pelan Strategik Kementerian Pendidikan 2018-2022 iaitu "Provide equal and equitable access to quality education".

   d) Inisiatif dari Sekretariat Tetap Manpower Planning and Employment Council (MPEC) untuk meningkatkan pendaftaran golongan OKU ke Job Centre Brunei untuk memadankan para pendaftar ke peluang-peluang pekerjaan yang bersesuaian (job matching) dan menyalurkan mereka ke program-program yang akan dapat meningkatkan employability dan marketability golongan OKU mencari pekerjaan.

7. Program intervensi awal melalui pendidikan dan pembelajaran khas juga diberi tumpuan. Pusat Bahagia dibawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan, juga akan menyediakan program intervensi awal bagi sebahagian OKU dibawah 6 tahun (Down Syndrome dan Cerebral Palsy), untuk mendokong dan melengkapkan program-program yang dilaksanakan oleh NGO, pusat dan persatuan OKU di negara ini. Manakala, Kementerian Pendidikan juga telah menubuhkan dua Centre of Excellence (CoE) di Daerah Temburong dan Insya Allah, akan terus menubuhkan CoE di daerah-daerah lain dalam beberapa tahun akan datang. CoE ini dibekalkan dengan sumber khusus dan peralatan pembelajaran, termasuk mengoptimumkan guru-guru pendidikan khas dan pembantu guru untuk memenuhi keperluan berbeza pelajar kelainan upaya.

8. Selain dari itu, inisiatif dan usaha bagi memperkasakan golongan OKU dalam bidang keusahawanan, seperti sokongan mengetengahkan produk-produk OKU didalam pasaran, dan menyediakan ruang-ruang keusahawanan bagi OKU dan warga emas di premis-premis termasuk bangunan kerajaan.

9. Bersempena Sambutan HAOKU tahun ini, Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama Majlis Kesejahteraan Orang Kelainan Upaya (MKOKU), pihak swasta dan persatuan bukan kerajaan beserta sokongan berterusan daripada rakan-rakan strategik, menyambut seperti berikut:

   a) Aktiviti-aktiviti seperti Hari Terbuka Pusat Bahagia Daerah Tutong, Majlis Sambutan HAOKU 2020 (anjuran SMARTER Brunei), Majlis Membaca Surah Yassin dan Tahlil di Kubah Makam DiRaja, T-shirt project (anjuran Yuth.co), Majlis Doa Kesyukuran HAOKU di Masjid Ash-Shaliheen, Forum bersempena dengan HAOKU, Program I.M.P.I.A.N (anjuran Fera Nursing), Program Santuni OKU, Hari Terbuka Pusat Bahagia Brunei Muara dan Majlis Khatam Al-Quran bagi OKU;

   b) Program berkomunikasi secara inklusif, seperti pelaksanaan Bengkel Braille, Orientasi dan Mobiliti serta Bengkel Asas Bahasa Isyarat yang telah giat diadakan sejak Februari 2019 sehingga kini; dan

   c) Inisiatif meningkatkan kepekaan orang ramai tentang kemahiran golongan OKU termasuk dalam industri kreatif, seperti pameran-pameran seni bersifat inklusif yang telah mengetengahkan bakat-bakat seni lukis dihasilkan oleh para pelatih OKU. Ini termasuk Pameran Seni Lukis Diversiti 2020 yang sedang berjalan di Muzium Teknologi Melayu sehingga April 2021, bersempena Sambutan Hari Muzium Antarabangsa dan Hari Arkib Antarabangsa, dimana seramai 22 orang pelukis golongan OKU telah ikut serta.

10. Negara Brunei Darussalam akan sentiasa berusaha dalam memastikan pensejajaran dasar kebangsaan dengan komitmen antarabangsa dan serantau dalam mempromosi hak serta kebajikan bagi golongan OKU, seperti United Nations Convention on the Rights of Persons with Disabilities, Bali Declaration on the Enhancement of the Role and Participation of Persons with Disabilities in the ASEAN Community, dan juga ASEAN Enabling Masterplan 2025: Mainstreaming the Rights of Persons with Disabilities.

11. Kesinambungan dengan perkara itu, strategi-strategi perlaksanaan dan pengukuhan mekanisma-mekanisma amat memerlukan penyertaan aktif golongan OKU secara berkesan dalam proses meningkatkan kualiti kehidupan OKU dan sama-sama melipatgandakan usaha bagi mencapai matlamat pembangunan masyarakat yang mampan.

12. Usaha untuk mengadvokasi dan memperkasakan golongan OKU di Negara Brunei Darussalam juga tidak akan dapat dilaksanakan tanpa kerjasama yang kuat dengan pertubuhan dan persatuan bukan kerajaan. Sehubungan dengan itu, adalah diambil kesempatan untuk menghargai peranan penting yang dimainkan oleh Majlis Kesejahteraan Orang Kelainan Upaya (MKOKU) dan persatuan bersekutu, serta semua organisasi bukan kerajaan dan persatuan lain yang memperjuangkan golongan OKU, dalam mendidik dan meningkatkan kesedaran masyarakat untuk menyokong hak-hak orang kelainan upaya.

13. Sempena Hari Antarabangsa OKU ini, marilah kita mengambil peluang untuk mengukuhkan semangat agar sama-sama berganding bahu untuk membantu memperkasa dan meningkatkan kualiti hidup golongan OKU bagi menyumbang kepada pembangunan masyarakat. Marilah kita sama-sama meraikan dan menghargai golongan OKU agar mereka berdikari dan menyumbang kepada kemajuan negara sepertimana Wawasan Brunei 2035 untuk menjadi warga yang berilmu, berkemahiran dan bertemadun. Penghargaan yang tinggi juga diberikan terhadap pihak keluarga, penjaga-penjaga dan para pendidik, diatas pengorbanan, kasih sayang dan sokongan yang amat berharga dalam menjaga kesejahteraan, memotivasikan dan memberi panduan terhadap golongan OKU agar berdikari dan berdaya tahan.

Selamat Hari Antarabangsa Orang Kelainan Upaya Kepada Seluruh Golongan OKU di Negara Brunei Darussalam.

SAMBUTAN-SAMBUTAN SEMPENA HARI ANTARABANGSA ORANG KURANG UPAYA (OKU) 2020

'Building back better towards an inclusive, accessible and sustainable post COVID-19 world'
'Not All Disabilities Are Visible'.

Majlis Tahlil bagi paduka-paduka ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman

Kubah Makam Diraja, *Khamis, 3 Disember*

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin mengepalai rombongan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) bersama jaringan berkepentingan sektor kemasyarakatan.

Penolong Ketua Pusat Pentadbiran, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KU PUSB), Dr. Nazirulmubin bin Ahad menyampaikan ceramah bertajuk 'Mencapai Wawasan Brunei 2035 Bersama-sama OKU'

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin menyampaikan sijil penyertaan.

Majlis Khatam Al-Quran sempena Hari Antarabangsa OKU 2020 bagi pelatih-pelatih; pegawai dan kakitangan Pusat Bahagia seluruh daerah; dan Ahli-ahli Majlis Kesejahteraan Orang Kelainan Upaya (MKOKU) juga persatuan-persatuan di bawahnya.

Dewan Digadong, KKBS Khamis, 24 Disember

SAMBUTAN-SAMBUTAN SEMPENA HARI ANTARABANGSA ORANG KURANG UPAYA (OKU) 2020
'Building back better towards an inclusive, accessible and sustainable post COVID-19 world'
'Not All Disabilities Are Visible'.

Ahli-ahli panel Forum, terdiri daripada Pakar Psikologi Klinikal, Pengiran Hartini binti Pengiran Haji Tahir; Pakar Pediatrik, Dr. Hajah Mawarni binti Haji Abdul Hamid; Pakar Bahasa dan Autisme Bertauliah, Dayang Wati binti Haji Bujang; Pakar Terapi Pekerjaan, Venessa Liew; Fisioterapis, Cheryl Keasberry; dan Pakar Mata Pediatrik, Dr. Helena Hurairah.

Foto: Muhammad Asri - Penerangan

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong selaku Pengerusi Majlis Bencana Kebangsaan; dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin bagi meninjau situasi banjir di Daerah Tutong

BANTUAN MANGSA BANJIR DI DAERAH TUTONG

TUTONG, Khamis, 3 Disember - Sebanyak 198 catuan diagih-agihkan kepada penghuni yang dibantu daripada empat buah mukim, iaitu Mukim Ukong, Lamunin, Tanjung Maya dan Rambai yang terjejas dengan banjir.

Daripada jumlah tersebut, lebih daripada 300 penghuni diberikan bantuan, di mana pihak Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) menghulurkan bantuan, dari aspek makanan asasi juga aspek lain, seperti lampin, susu dan peralatan kebersihan seharian.

"Kitani melihat juga sebilangan keluarga-keluarga ini tidak mempunyai pekerjaan, maka ini adalah untuk dinilai oleh pihak JAPEM untuk mencarikan kerja-kerja yang bersesuaian kepada mangsa-mangsa ini, kitani melihat ada keluarga ini tidak mempunyai pekerjaan, tetapi boleh bekerja dan in shaa Allah perkara ini akan dilihat oleh pihak JAPEM untuk menentukan mereka ini mendapat pendapatan dan 'kitani' mengambil peluang dalam keadaan banjir ini untuk melihat dan menilai kesusahan penduduk-penduduk kampung ini,"

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, dalam temu bual bersama Pelita Brunei pada lawatan tersebut.

Foto: Muhammad Asri - Penerangan

KARNIVAL KARATE 2020, FESTIVAL DISEMBER BRUNEI 2020 (BRUNEI DECEMBER FESTIVAL 2020)

The Colonade, Jerudong Park Playground (JPP), JERUDONG, Jumaat, 4 Disember - Persatuan Shitoryu Karate Brunei Darussalam dengan kerjasama Lembaga Pelancongan Brunei menganjurkan Karnival Karate 2020 sempena Festival Disember Brunei 2020 (Brunei December Festival 2020).

Karnival ini antara lainnya diadakan bagi memperkenalkan kepada orang ramai pelbagai manfaat mengamalkan seni bela diri Karate sebagai gaya hidup sihat untuk kesihatan dan kesejahteraan fizikal dan psikologi. Karnival yang bermula pada sebelah petang itu diisikan dengan pelbagai aktiviti termasuk 'Amazing Race', pengenalan kepada Karate, demonstrasi Karate dan tunjuk cara Karate oleh para atlet yang mewakili kelab-kelab Karate di negara ini.

Persatuan Karate Brunei (BRUKAF) sebagai pertubuhan yang diiktiraf Badan Karate Dunia (WKF) akan terus meningkatkan reputasi bukan sahaja dalam amalan Karate sebagai salah satu sukan terkenal di Negara Brunei Darussalam, tetapi juga dalam setiap aspek peribadi tersendiri sekali gus membentuk komuniti sokongan dalam dan luar sukan.

YOUTH TOWN HALL BRUNEI EDISI KE-2 *: Leading for National Development in The New Normal'*

Dewan Teater, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 5 Disember - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dengan kerjasama Young Professionals Network BN menganjurkan Youth Town Hall Brunei Edisi Ke-2 dimana kira-kira 400 peserta menghadiri acara tersebut secara fizikal dan 'virtual'. Youth Town Hall Brunei adalah satu platform yang ditubuhkan pada tahun 2020 bersempena The National Youth Day iaitu bagi memupuk solusi ke arah daya pemikiran maju dan komuniti belia yang saling bekerjasama serta menyumbang kepada pembangunan negara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr.Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof; dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin hadir di sesi perkongsian tersebut.

MAJLIS PELANCARAN PKBN PENGAMBILAN KE-10

"Jati diri yang kuat adalah asas kukuh untuk membangun sesorang individu yang dibanggakan oleh bangsa dan negara. Biskitalah yang dinantikan untuk mengorak langkah yang jauh dari aspek duniawi dan ukhrawi dengan sentiasa berpegang teguh keoad falsafah negara Melayu Islam Beraja. Peramba/saya amat yakin, setiap pelatih memang berupaya untuk menjadi insan yang dipandang tinggi oleh masyarakat dan negara. Pincang akhlak maka pincanglah ummah dan pembangunan sesebuah negara. Jadilah pemuda harapan bangsa, dan pemudi tiang negara." -

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan,
Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin
Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin

Kem Kekal Program Khidmat Bakti Negara (PKBN), Kampung Batu Apoi, TEMBURONG, Sabtu, 5 Disember - PKBN Pengambilan Ke-10 pada tahun ini adalah berlainan daripada pengambilan sebelumnya, di mana latihan dijalankan dengan mengambil kira tatacara dan garis pandu yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan bagi mengawal penularan wabak COVID-19.

Kemasukan pelatih dihadkan kepada 250 pelatih, terdiri daripada 174 lelaki dan 76 perempuan juga 100 Jurulatih selaras kepatuhan 'mass gathering' yang ditetapkan seramai 350 orang .

KEM EKSPLORASI ANTARABANGSA 2.0 (KEA 2.0)

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin menyempurnakan penyerahan sijil kepada para peserta di majlis penutup.

The Core, Universiti Brunei Darussalam TUNGKU LINK, Ahad, 6 Disember - Kem Eksplorasi Antarabangsa 2.0 (KEA 2.0) anjuran Alumni Program-program Antarabangsa (APPA) berlangsung selama tiga hari dua malam di The Core, Universiti Brunei Darussalam dengan sokongan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Persatuan Bekas Peserta Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun (BERSATU) dan Majlis Belia Brunei (MBB).

SANTAI BERSAMA KELUARGA

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin selaku tetamu kehormat majlis.

Dewan Hotel Wafa, Kompleks Annajat, BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 10 Disember - 21 buah keluarga dari Daerah Temburong yang terdiri daripada klien-klien MKM menyertai Majlis Santai Bersama Keluarga anjuran Majlis Kesejahteraan Masyarakat (MKM) dengan kerjasama Hotel Wafa dan Kompleks Annajat yang dihasratkan sebagai platform untuk menyemai dan mengeratkan lagi nilai kekeluargaan dan rasa cinta penuh kasih.

Kawasan Padang Jubli (Taman Mini Belalong) dan Kawasan Taman Perayaan, ***TEMBURONG***

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin hadir selaku tetamu kehormat.

Taman Rekreasi Tenaga Seria. ***SERIA***

Setiausaha Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud hadir selaku tetamu kehormat.

Dewan Dataran Wawasan Persatuan Melayu Keriam (PESAKA), Kampung Keriam. ***TUTONG***

Setiausaha Tetap (Pengurusan, Strategi dan Dasar), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan hadir selaku tetamu kehormat.

Kawasan letak kereta Bali Pitstop, Tungku Link, BRUNEI MUARA

Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan dan Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari hadir selaku tetamu kehormat.

Hadir menyaksikan tayangan tersebut, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan dan Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari.

TAYANGAN PERDANA 'SERPIHAN MASA LALU'

The Empire Cineplex, JERUDONG, Jumaat, 11 Disember **-** Kira-kira 97 tetamu undangan hadir menyaksikan Tayangan Perdana 'Serpihan Masa Lalu', terbitan usaha sama Progresif Media dengan kerjasama di antara Vertex Films, NHAT Studio dan Kashf Kreative.

Tayangan pertama eksklusif 'Serpihan Masa Lalu' melalui 'streaming' bagi aplikasi mudah alih Progresif tersebut menceritakan kisah persahabatan, cinta dan patah hati, berlatar belakang keindahan tempat-tempat menarik di negara ini.

Filem yang dibuat dalam tiga siri (episod) ini dibintangi oleh para pelakon tempatan, terdiri daripada Wafiqah Abu Bakar, Safwan Sofian, Hamizan Iman, Yaseerah Husny, Selina Khoo, Amir Shamri, Ayesha Said, Aiman Mateen dan Fakrul Razi.

MAJLIS TAHLIL BAGI AL-MARHUM DULI YANG TERAMAT MULIA PADUKA SERI PENGIRAN MUDA HAJI 'ABDUL 'AZIM IBNI KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI

PKWE DBM, Jalan 77, Rancangan Perumahan Negara Lambak Kanan,BERAKAS, Sabtu, 12 Disember. **-** Pusat Kegiatan Warga Emas Daerah Brunei dan Muara (PKWE DBM) mengadakan Majlis Tahlil bagi Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, disertai oleh Ahli-ahli PKWE DBM. Bacaan Tahlil, diketuai oleh Imam Masjid Kampung Lambak, Awang Rafi bin Duming.

Kini PKWE DBM mempunyai lebih 560 ahli, di mana perasmiannya telah disempurnakan oleh Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Muda Haji 'Abdul 'Azim, pada 12 Mac 2013.

Foto: Muhammad Asri Haji Awang Abas - Penerangan

Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan hadir menyertai majlis tahlil berkenaan.

Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan dan Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang

Foto: Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman - Penerangan

PERTANDINGAN BINTANG HARMONI

Dewan Raya, Stesen RTB, BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 12 Disember. **-** Noraziman bin Abu dinobatkan johan Pertandingan Akhir Bintang Harmoni 2020 anjuran Jabatan Radio Televisyen Brunei (RTB), yang berlangsung di di ibu negara.

Beliau yang menyanyikan lagu 'Bara' membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah BND2,000 berserta trofi dan sijil.

Sementara itu, Awang Muhammad Abillah bin Ariffien menyandang naib johan, manakala Dayang Nurul Arffaniezza binti Norariffin memenangi tempat ketiga.

Naib johan dan pemenang tempat ketiga, masing-masing menerima hadiah wang tunai sebanyak BND1,500 dan BND1,000, juga trofi dan sijil.

Awang Muhammad Abillah turut memenangi persembahan terbaik dan membawa pulang hadiah wang tunai BND500.

Hadir sama, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), KKBS; Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah; Pemangku Pengarah RTB, Awang Haji Azman bin Haji Abdul Rahim; dan Pemangku Pengarah Bahagian Kebudayaan dan Kesenian, KKBS, Awang Haji Mohd. Abdoh bin Haji Awang Damit.

MEMPERKASA BELIA BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM (BIBD YES!)

Foto: Hamzah Mohidin - Penerangan

The Horizons Seafood Restaurant, BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 13 Disember. **-** Sidang Kemuncak Memperkasa Belia Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) atau BIBD Youth Empowerment Summit (YES!) menutup tirainya malam tadi, dengan perkongsian pengalaman para belia yang menyertai sesi rangkaian (networking) bersama panel Menteri-menteri Kabinet pada Majlis Penutupan BIBD YES!

Antara yang hadir dan menjayakan sesi perkongsian ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah selaku Pengerusi Lembaga Pengarah BIBD dan anak-anak syarikatnya; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar; Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof; Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin; dan Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD, Mubashar Khokhar.

Foto: Hamzah Mohidin - Penerangan

Foto: Hamzah Mohidin - Penerangan

Sidang Kemuncak Memperkasa Belia Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) atau BIBD Youth Empowerment Summit (YES!) menampilkan seramai 50 ahli panel dari Negara Brunei Darussalam (NBD) dan antarabangsa menerusi 'Zoom' dari Hong Kong, Singapura, Indonesia, Filipina, Malaysia dan Hungary untuk mendidik dan memberikan inspirasi kepada para belia, di mana dengan adanya penceramah dari luar negara akan membolehkan para peserta melihat topik yang mereka hadapi melalui lensa global.

MAJLIS BERSAMA PENERIMA ANUGERAH PENULIS ASIA TENGGARA (THE S.E.A WRITE AWARD)

Foto : Mohd. Sahrizal - Penerangan

Foto : Mohd. Sahrizal - Penerangan

"Oleh yang demikian, amat wajar bagi kita untuk benar-benar memanfaatkan platform yang sangat unik ini, mengukuhkan lagi jalinan silaturahim dan bagi penulis-penulis muda kita secara khususnya, untuk bersua dan berkenalan dengan para penulis yang tersohor demi menjamin hubungan antara generasi kini dan yang akan datang dalam mengembangkan bahasa Melayu sebagai jentera kepada pembangunan tamadun bangsa secara berterusan,"

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin

Foto : Mohd. Sahrizal - Penerangan

Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), BERAKAS, Isnin, 14 Disember - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Dewan Bahasa dan Pustaka menganjurkan Majlis Bersama Penerima Anugerah Penuilis Asia Tenggara (The SEA Write AWARD) bagi membukakan peluang kepada penulis tempatan berkongsi pengalaman dan pemikiran. Sesi pertemuan ini mengumpulkan penerima-penerima Anugerah Penulis Asia Tenggara dari tahun 1986 hingga 2019, penulis prolifik, penulis mapan dan penulis muda menggarap idea besar bagi sama-sama mendukung kepada pembangunan dan kemajuan negara, di masa yang sama juga mempertahankan budaya dan bahasa melayu sebagai khazanah ilmu, peradaban dan ketamadunan negara.

KEM CURAHAN ILMU 2020

Dewan Riadah, Pusat Belia, BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 Disember. - Lebih 40 orang peserta Kem Curahan Ilmu 2020 yang terdiri dari pelajar yang telah menduduki Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) tahun ini, menerima sijil penyertaan kem tersebut yang dijalankan selama tiga hari bermula 14 Disember hingga 16 Disember.

Kem yang dianjurkan oleh Teachmeguru di bawah Kelab Komuniti Belia Transformasi (KKBT) diisikan dengan pelbagai aktiviti, antaranya riadah berjalan kaki, sembahyang berjemaah, berenang, menumpah ambuyat dan 'team building'.

'PEER EMPATHIZE AND EMBRACING RESILIENCE' (P.E.E.R)

Dewan Kuliah, Stadium Negara Hassanal Bolkia, BERAKAS, Khamis, 17 Disember - Seramai 36 peserta Program 'Peer Empathize and Embracing Resilience' (P.E.E.R) menerima sijil masing-masing, pada acara Kemuncak Program P.E.E.R, yang diadakan selama tiga hari, bermula 15 Disember 2020.

Program P.E.E.R yang dianjurkan oleh KKBS melalui Unit Kaunseling Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) bagi mempersiapkan masyarakat dengan kemahiran bersesuaian juga pengetahuan bagi menangani kesihatan mental melalui kaedah kaunseling dan bimbingan.

PAMERAN FOTOGRAFI : 'BRUNEI DARUSSALAM FROM THE EYES OF FOREIGN DIPLOMATS AND THEIR FAMILIES'

Muzium Alat Kebesaran Diraja, BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 Disember. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri berangkat memyempurnakan Majlis Perasmian Pameran Fotografi 'Brunei Darussalam from the Eyes of Foreign Diplomats and their Families'. Berangkat sama, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar.

Siri jelajah Pameran Fotografi 'Negara Brunei Darussalam pada Mata Diplomat Asing dan Keluarga' Muzium Daerah Belait, Jalan Maulana, Kuala Belait

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan pameran.

MALAM PENGHARGAAN MAJLIS BELIA BRUNEI (MBB)

Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Pengiran Siti Rahmah binti Pengiran Haji Salleh hadir selaku tetamu kehormat dan

Foto: Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid - Penerangan

Dewan Kemasyarakatan Jalan 77, Kampung Lambak Kanan, BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 17 Disember - Bengkel Asas Bahasa Isyarat anjuran Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) selama tiga hari bermula 15 Disember lalu berakhir pada petang ini dengan Majlis Penyampaian Sijil kepada 81 Ahli-ahli Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) Daerah Brunei dan Muara serta pegawai-pegawai kerajaan.

Majlis diisikan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang diketuai oleh Ketua Keugamaan PKWE Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Aliakbar bin Ali; persembahan sketsa 'Kenali Bahasa Isyarat' daripada peserta bengkel; dan tayangan video pendek mengenai aktiviti yang diadakan oleh para peserta sepanjang mengikuti bengkel tersebut.

Bahagian Orang Kelainan Upaya +673 2330315 atau
e-mel: pusatbahagia@gmail.com

'TAHUN BARU DALAM PERSPEKTIF ISLAM'
PROGRAM WIRA FAJAR - BELIA SEMBAHYANG FARDU SUBUH BERJEMAAH

Masjid Kampung Batu Apoi, Daerah Temburong, - Seramai 200 orang yang terdiri daripada Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Batu Apoi; Pegawai-pegawai Kerajaan; Persatuan-persatuan Belia; Belia-belia Masjid; para pelatih Program Khidmat Bakti Negara (PKBN); serta penduduk sekitar Kampung Batu Apoi memeriahkan Majlis Wira Fajar Program Belia Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah di Masjid bagi Tahun 1442H / 2020M Majlis .

Program Wira Fajar kali keempat ini di isikan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah yang diimamkan oleh Pemangku Imam Masjid Kampung Batu Apoi, Awang Mohd. Saiful Bahrin bin Haji Yunos, Tazkirah Subuh bertajuk 'Tahun Baru Dalam Perspektif Islam' disampaikan oleh Pengarah Pusat Kajian Fiqh Al-Usrah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Awang Hilman bin Haji Salim; bacaan Surah Al-Kahfi yang dipimpin oleh Mahasiswa Development Management, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Awang Fahmi bin Syukry; dan Sembahyang Sunat Duha.

Foto: Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah - Penerangan)

"Kita sewajarnya mensyukuri dan menghargai nikmat Allah (umur dan masa) kerana umur yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada manusia adalah amanat yang harus dijaga dengan baik dan harus diisi dengan kebaikan-kebaikan dan amal soleh. Nilai umur manusia tidak ditentukan oleh panjang atau pendeknya, melainkan oleh kualiti amal yang diperbuat dalam masa hidupnya."

Awang Hilman bin Haji Salim
Pengarah Pusat Kajian Fiqh Al-Usrah,
Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.

FORUM KESENIAN ANTARABANGSA H.A.G (HUIFONG'S ART GALLERY)

Bangunan Bank Baiduri **BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 19 Disember** - Forum Kesenian Antarabangsa H.A.G (Huifong's Art Gallery) buat julung kalinya mengendalikan forum secara maya yang mengumpulkan pembentang dari 10 buah negara (*Bahrain, Negara Brunei Darussalam, China, Dubai, Indonesia, Itali, Malaysia, Malta, Singapura dan Thailand).*

Forum mengetengahkan tajuk-tajuk perbincangan semasa yang berkaitan dengan dunia kesenian termasuk cara mengadaptasikan kepada normabaharu, menangani cabaran-cabaran, meramalkan dan memanfaatkan peluang-peluang yang tersedia.

Selain itu, para pembentang juga berkongsi akan tanggungjawab dan tatacara bagaimana seni mampu membantu kemapanan persekitaran.

Forum diadakan bagi mengisi dan memeriahkan Festival Disember Brunei 2020 (BDF 2020) merupakan salah satu aktiviti Bank Baiduri selaku penaja forum bersama rakan strategiknya dari Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP).

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin hadir menyertai forum.

HARI TERBUKA PENGAKAP 2020 BERSEMPENA SAMBUTAN HARI PENGAKAP NEGARA BRUNEI DARUSSALAM 2020

Pusat Membeli-Belah The Mall, GADONG, Ahad, 20 Disember - Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) menganjurkan Hari Terbuka Pengakap 2020 bersempena Sambutan Hari Pengakap Negara Brunei Darussalam 2020 PPNBD sebagai sala satu langkah untuk menyebarluaskan lagi kepada orang ramai tentang keunikan pergerakan tersebut dan tatacara penyertaan serta mengenali aktiviti-aktivitinya.

Selain itu, memberikan peluang kepada orang ramai untuk melibatkan diri dalam pergerakan PPNBD selari dengan Rancangan Strategik PPNBD 2014-2024 untuk meningkatkan jumlah keahliannya sebanyak yang mungkin sehingga mencapai 5,000 ahli menjelang tahun 2024.

Hadir dan menyempurnakan Majlis Pelancaran Hari Terbuka Pengakap 2020 ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

'A THEATERICAL ENGLISH CLASSICAL DRAMA (2020) JANE EYRE'

Foto: Muhammad Asri - Penerangan

Dewan Serbaguna, Universiti Teknologi Brunei, TUNGKU LINK, Ahad, 20 Disember - Seramai 25 pelajar muda dari pelbagai institusi pendidikan, termasuk alumni dari UTB, Institut Pendidikan Teknikal Brunei, Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, Sekolah Menengah Chung Hwa dan Sekolah Saint's Andrews menjayakan Persembahan Drama Pentas Perdana 'A Theaterical English Classical Drama (2020) Jane Eyre' anjuran Universiti Teknologi Brunei (UTB) dengan kerjasama Reading and Literacy Association (ReLA) dan Suruhanjaya Tinggi Bangladesh di Negara Brunei Darussalam .

Foto: Muhammad Asri - Penerangan

Persembahan Drama Pentas Perdana, bertujuan untuk mengembangkan bakat para pelajar muda tempatan dalam teater pementasan, di samping meningkatkan lagi kemampuan dan kemahiran bercakap di hadapan khalayak ramai, sekali gus mendorong mereka untuk meminati sastera Inggeris sebagai pilihan mata pelajaran di sekolah. Jane Eyre adalah sastera klasik yang mengaitkan tentang wanita, berpendidikan, berdikari, selain isu etika yang masih relevan dengan masyarakat hari ini.

MAJLIS KONVOKESYEN PUSAT PEMBANGUNAN BELIA (PPB)

Dewan Binadiri, Pusat Pembangunan Belia (PPB), TANAH JAMBU, Isnin, 21 Disember -Seramai 285 graduan Pusat Pembangunan Belia (PPB), terdiri daripada pelatih yang telah menamatkan pengajian, pada sesi Julai 2018, Januari 2019 dan Julai 2019 menerima sijil setelah berjaya menamatkan kursus masing-masing di Majlis Konvokesyen PPB, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Sementara itu, pada sebelah petang pula, Penyampaian Sijil disempurnakan oleh Setiausaha Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet), Pengiran Mohd. Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud kepada 134 graduan yang menerima persijilan City & Guilds Level 2, 1 dan Skills Proficiency bagi Sesi Januari 2018; dan Persijilan Kemahiran PPB bagi Sesi Julai 2018, Sesi Januari dan Sesi Julai 2019.

Para penerima sijil terdiri daripada mereka yang mengikuti Level 2 Award in 2D Computer Aided; Level 1 Diploma Accident Repair Body; ITQ Level for IT User; Level 1 Certificate in Food Preparation and Cooking / Skills Proficiency Certificate in Food Preparation and Cooking; Level 1 Certificate in Food and Beverage Service / Skills Proficiency Certificate in Food and Beverage Service; Level 1 Certificate in Engineering Fabrication and Welding Technology; Level 1 IVQ Certificate in Refrigeration and Air Conditioning / Skills Proficiency Certificate in Basic Refrigeration and Air Conditioning; Skills Proficiency Certificate in Basic Plumbing; Sijil Kemahiran Computer Aided Design; Sijil Kemahiran Penghawa Dingin dan Pendinginan; Sijil Kemahiran Pemasangan Paip Air Domestik; Sijil Kemahiran Teknologi Rekaan Fesyen; Sijil Kemahiran Terapi Kecantikan; Sijil Kemahiran Baik Pulih Kenderaan; juga Sijil Kemahiran Seni Kulinari dan Bankuet.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin menyempurnakan Penyampaian Sijil-sijil kepada para graduan, seramai 151 graduan menerima persijilan City & Guilds Level 2, 1 dan Skills Proficiency bagi Sesi Januari juga Sesi Julai 2019, pada sesi pagi majlis berkenaan.

SANTAI BERSAMA KELUARGA (SBK)

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 22 Disember- Pemangku Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan dan Kebudayaan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dayang Saidah binti Haji Wahid @ Burut selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup Santai Bersama Keluarga (SBK) yang melibatkan penyertaan 25 buah keluarga daripada kalangan klien-klien MKM dari Daerah Brunei dan Muara.

Program yang memuatkan pelbagai aktiviti riadah ini merupakan anjuran Majlis Kesejahteraan Masyarakat (MKM) dengan kerjasama pihak pengurusan Hotel Wafa dan Apartmen, Kompleks Annajat, sebelum ini telah dilaksanakan bagi klien-klien dari Daerah Temburong pada 10 Disember dan bagi klien dari Daerah Tutong dan Daerah Belait pada 16 Disember yang lalu.

JABATAN PENERANGAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Foto : Hernie Suliana Haji Othman- Penerangan

MAJLIS MULTAQA SASTERAWAN ISLAM BRUNEI: ADI RUMI

Balai Sarmayuda, DBP, Berakas, Selasa, 22 Disember - Majlis Multaqa Sasterawan Islam Brunei: Adi Rumi merupakan satu penghargaan kepada Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned atau lebih dikenali dengan nama Adi Rumi dalam dunia penulisan, telah banyak menyumbang kepada perkembangan bahasa, sastera, agama dan budaya serta negara melalui penghasilan karya-karya sastera Islam yang unggul dan berkualiti.

Adi Rumi diangkat sebagai penerima Anugerah Kesusasteraan Islam (AKI) pada tahun 2013 oleh Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Negara Brunei Darussalam

Beberapa anugerah berprestij yang diterima Adi Rumi ialah Anugerah Penulis Asia Tenggara (The S.E.A. Write Award), 2000; Anugerah Penulisan Islam YSHHB (API), 2011; Anugerah Kesusasteraan Islam Ke-2, YSHHB (AKI), 2013 dan Anugerah Sastera Mastera (ASM), 2018.

Majlis diisikan dengan pelancaran dua buah buku kumpulan sajak terbaharu karya Adi Rumi, iaitu Kumpulan Sajak Di Mana Pun Adalah Bumi Allah dan Kumpulan Sajak Datangmu Dirindui Pergimu Ditangisi oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan; Bicara Ketokohan dan Pemikiran Adi Rumi yang disampaikan oleh Profesor Madya di Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam, Profesor Madya Ampuan Dr. Haji Brahim bin Ampuan Haji Tengah atau lebih dikenali sebagai Rahimi A.B.

Seterusnya majlis disusuli dengan seindah bicara daripada Yang Berhormat Mufti Kerajaan yang antara lain mengongsikan permulaan beliau berkarya dalam pentas penulisan dan dunia kesusasteraan pada tahun 1956; dan deklamasi dua buah sajak, iaitu Sajak Irama Muda dan Sajak Era Tua.

HARI PENGHARGAAN FILEM SINGAPURA, BRUNEI FILM BLITZ (BFB)

Setiausaha Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud hadir menyaksikan tayangan filem Singapura "ilo ilo"

Foto: Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman - Penerangan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 22 Disember - Bersempena dengan Hari Penghargaan Filem Singapura, Brunei Film Blitz (BFB) hari ini menayangkan sebuah filem bertajuk 'Ilo Ilo', arahan Anthony Chen yang menampilkan para pelakon antarabangsa, termasuk pelakon Singapura, Chen Tianwen; Yeo Yann Yann dari Malaysia; Angel Bayani dari Filipina; dan pelakon kanak-kanak, Koh Jia Ler.

Filem tersebut memberikan aura dan impak di arena filem global ketika tayangan perananya pada tahun 2013 di Cannes Film Festival, sebagai sebahagian daripada 'Director's Fortnight' dan telah dianugerahkan Camera d'Or menjadi filem Singapura pertama yang memenangi anugerah berkenaan pada festival tersebut. 'Ilo Ilo' juga terpilih sebagai filem Singapura yang berjaya meraih 'Best Foreign Language' di 86th Academy Award.

Bangunan ini akan berfungsi sebagai rumah perlindungan dan tempat keselamatan bagi penghuni dan residen lelaki dan perempuan dewasa; warga emas; kanak-kanak; dan anak damit yang terlibat dengan masalah sosial. Kemasukan kes-kes tersebut ke KRK adalah melalui Akta Perlindungan Kanak-Kanak dan Orang Muda 2010 dan Akta PerempuanPerempuan dan Gadis-Gadis Penggal 120.

Pembinaan bangunan baru ini adalah berkonsepkan rumah (homey) kontemporari, kekeluargaan dan bersesuaian dengan persekitaran yang selamat serta selesa. Konsep struktur bangunan juga akan mengambilkira keperluan dan kesesuaian bagi Orang Kelainan Upaya (OKU). Projek pembinaan ini mula dibina pada bulan November 2020 dan akan dijangka siap pada bulan Disember 2021.

MAJLIS PERASMIAN CHINA DAY

Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, Sabtu, 26 Disember – Republik Rakyat Cina dan Negara Brunei Darussalam (NBD) mempunyai sejarah persahabatan yang panjang dan Laluan Sutera (Silk Road) mencatat sejarah pertukaran juga pembelajaran bersama di antara kedua buah negara.

Kerjasama China - Brunei memainkan peranan positif dalam pembangunan ekonomi dan sosial negara ini.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke NBD, Puan Yang Terutama Yu Hong semasa Majlis Perasmian China Day.

Menurut Puan Yang Terutama, jalinan persahabatan China - Brunei memerlukan sokongan daripada rakyat kedua-dua negara, iaitu melalui budaya yang merupakan jambatan dalam menghubungkan hati dan emosi di antara masyarakat, ikatan pemahaman dan kepercayaan yang mendalam di antara kedua buah negara.

PEMENTASAN TEATER TAKDIR: KERANAMU

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin dan isteri hadir menyaksikan pementasan tersebut.

Ruang, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 26 Disember - Pementasan Teater Takdir : Keranamu merupakan sebuah hasil karya yang melibatkan penglibatan belia tempatan iaitu dalam pengeluaran keseluruhan produksi teater ini, meliputi barisan pelakon, penulisan skrip dan pengarahan serta kakitangan produksi dan teknikal .

Pementasan ini, mengemukakan bagaimana kehancuran rumah tangga boleh menjadi punca kegagalan fungsi sosial seseorang iaitu dengan mengemukakan isu keganasan rumah tangga dan kesan negatifnya terhadap ahli keluarga seperti tekanan (depresi), kegelisahan dan kecelaruan mental.

Pementasan Teater Takdir oleh Sutera Memento, dengan sokongan daripada Cureheart dan JAPEM, merupakan satu penjenamaan sebagai sebuah teater bersiri yang akan menjadi wadah untuk meyuarakan kisah-kisah kemasyarakatan, isu-isu sosial dan langkah menangani kesihatan dan kesejahteraan mental melalui perkhidmatan perkhidmatan bantuan yang telah sedia ada.

THE ALPHA CHALLENGE 2020 - LEGEND OF THE HUNTERS

Taman Rekreasi Hutan Simpan Berakas,BERAKAS, Ahad, 27 Disember - Lebih 2,000 peserta menyertai The Alpha Challenge 2020 - Legend of the Hunters mengetengahkan dua acara, iaitu 'Tide Hunter Edition', merupakan pendakian dengan cabaran berhalangan; dan 'Hill Hunter Edition', iaitu pendakian secara maya (virtual) yang diadakan sempena Brunei December Festival (BDF) 2020 anjuran Syarikat D'Sunlit Sdn. Bhd. dengan sokongan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP).

'Tide Hunter Edition' merupakan pendakian cabaran terbesar, di negara ini dan penuh halangan, bertujuan untuk mencabar daya intelektual juga fizikal para peserta dengan pembukaan dua kategori, iaitu 5 kilometer (km); dan 10 km.

Turut berangkat menyertai cabaran tersebut ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman bersama paduka-paduka anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim; dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah.

MESYUARAT AGUNG KALI KE-7 KOPPB BHD

Foto: Muhammad Asri Haji Awang Abas - Penerangan

Setiausaha Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet), KKBS, Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud, yang juga selaku Penasihat KOPPB Bhd. hadir di Mesyuarat Agung Kali Ke-7 KOPPB Bhd.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 27 Disember - Koperasi Pusat Pembangunan Belia (KOPPB) Berhad didaftarkan ke Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA) pada 3 April 2004, dan setakat ini, mempunyai seramai 204 ahli terdiri daripada pegawai; kakitangan dan pelatih; Lepasan Pegawai; dan Lepasan Pelatih Pusat Pembangunan Belia (PPB).

Di samping itu, penubuhan KOPPB dihasrat akan dapat mewujudkan daya saing yang sihat dan juga dapat menaikkan nama PPB, bukan hanya sebagai sebuah pusat gedung ilmu, malah sebagai perintis kepada dunia perniagaan dalam kalangan belia di negara Ini.

PERTANDINGAN IKAN HIAS BETTA BRUNEI

Hadir selaku tetamu kehormat, seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Dewan Sekolah Rendah Jerudong, JERUDONG, Ahad, 27 Disember -Dominic Ng dari Pet Star Betta muncul sebagai Grand Champion, dan memenangi wang tunai BND250, sebuah trofi dan sijil Grand Champion.

Pertandingan yang julung kali diadakan sempena Brunei December Festival (BDF) 2020 berjaya menarik penyertaan 100 orang peminat Ikan Hias Betta yang mempertandingkan 300 ekor ikan.

Pertandingan tersebut, antara lain bertujuan untuk memeriahkan lagi suasana BDF, di samping untuk mengenalkan dan mempromosikan jenis-jenis Ikan Betta juga cara-cara penjagaan dan pemeliharaan yang terbaik.

SAMBUTAN HARI KELUARGA PUSAT KEGIATAN WARGA EMAS (PKWE) DAERAH BRUNEI DAN MUARA

Timbalan Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dayang Saidah binti Haji Wahid@Burut hadir merasmikan sambutan hari keluarga PKWE(DBM)

Kampung Lambak Kanan LAMBAK KANAN, Isnin, 28 Disember - Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) Daerah Brunei dan Muara julung-julung kalinya mengungkayahkan Sambutan Hari Keluarga selama tiga hari bermula 28 Disember hingga 30 Disember 2020 bertempat di pusat berkenaan, Kampung Lambak Kanan.

Pelbagai acara turut dimuatkan iaitu Peraduan Urusan Rumah Tangga, Sukan Ria Keluarga, Peraduan Mewarna Lukisan bagi kanak-kanak mengikut kategori selain turut diadakan gerai-gerai jualan di pekarangan letak kereta pusat tersebut

THAILAND BAZAAR

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan perasmian bazar.

OneCity, Jalan Salambigar, SALAMBIGAR, Rabu, 30 Disember - Sebanyak 13 petak pameran terdiri daripada peniaga-peniaga makanan dan minuman Thailand di negara ini menyertai Thailand Bazaar kali kedua, yang berlangsung selama lima hari (sehingga 3 Januari 2021 yang dianjurkan oleh Kedutaan Diraja Thailand di Negara Brunei Darussalam (NBD) sempena Festival Disember Brunei 2020 (Brunei December Festival 2020 - BDF 2020).

Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Thailand ke NBD, Puan Yang Terutama Wanthanee Viputwongsakul di dalam ucapannya, mengongsikan bahawa penganjuran bazar kali pertama pada bulan Ogos yang lalu menunjukkan kejayaan yang besar dengan kira-kira 10,000 pelawat telah berkunjung selama tiga hari ia berlangsung. Thailand Bazaar merupakan projek pameran perdagangan tahunan untuk mempromosikan kerjasama pelancongan dan ekonomi, serta kerjasama hubungan antara rakyat NBD dan Thailand.

MAJLIS PENGISLAMAN DAYANG ERNEY KARLINA ANAK CHARLIE BERSERTA ANAK-ANAK

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin Hadir menyaksikan majlis pengislaman bagi Dayang Erney Karlina anak Charlie berserta anak-anak .

Pejabat MKM di Kampung Sungai Hanching SUNGAI HANCHING, Isnin, 28 Disember - Sebuah keluarga berbangsa Iban yang juga merupakan klien Majlis Kesejahteraan Masyarakat (MKM) dengan hati yang ikhlas dan terbuka dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala telah sempurna menjadi umat Islam di negara ini.

Dayang Erney Karlina anak Charlie, 34, berserta anak-anak memilih Islam sebagai pegangan hidup dan agama baharu dengan melafazkan dua kalimah syahadah dan ikrar pengislaman di hadapan para pegawai dari Unit Pengislaman, Pusat Da'wah Islamiah (PDI).

MAJLIS PELANCARAN BUKU PELAN STRATEGIK KKBS 2020-2024 DAN BUKU RANGKA KERJA KEBANGSAAN BAGI PERLINDUNGAN KANAK-KANAK

"Disinilah pentingnya bagi kita untuk memastikan buku ini tidak akan menjadi retorik semata-mata. Hayatilah dan manfaatkannya dengan sepenuhnya untuk mengukuhkan lagi perpaduan kita sebagai warga Kementerian yang penuh dengan kebanggaan, bergerak secara bersatu dan komited untuk mencapai yang terbaik bagi masyarakat Brunei Darussalam. Kita mempunyai amanah yang tinggi untuk menentukan kesejahteraan dan pemerkasaan rakyat secara amnya disamping pendaulatan budaya bangsa kita. In shaa Allah, kita akan dapat melaksanakan tugas dan peranan tersebut sepertimana yang dihasratkan."

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan,
Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Dewan Digadong, Bangunan KKBS, BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 22 Disember - Buku Pelan Strategik Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) 2020-2024 memanifestasikan perancangan empat tahun KKBS dalam mencapai visi 'Bangsa Brunei Cemerlang' dengan memfokuskan kepada lima hasil pencapaian visi mengikut empat bidang utama, iaitu Sektor Kemasyarakatan, Sektor Kebeliaan, Sektor Kesukanan dan Sektor Kebudayaan serta Tadbir Urus KKBS.

Manakala Buku Rangka Kerja Kebangsaan Bagi Perlindungan Kanak-Kanak (National Framework on Child Protection - NFCP) pula memfokuskan beberapa strategi utama yang berkaitan dengan perlindungan kanak-kanak dan orang muda yang berumur di bawah 18 tahun, termasuk dari aspek dasar, undang-undang dan etika; mekanisme pemantauan; koordinasi di antara agensi; perkhidmatan sosial; sokongan keluarga; penglibatan masyarakat; pencegahan; penglibatan kanak-kanak dan peningkatan latihan dan kapasiti. Penghasilan rangka kerja itu adalah berasaskan kepada dokumen-dokumen yang terkandung di dalam Wawasan Brunei 2035; Pelan Tindakan Kesejahteraan Kanak-Kanak di bawah Majlis Kebangsaan Isu Sosial (MKIS); United Nations Convention on the Rights of the Child (CRC); dan Regional Plan of Action on Violence Against Children (2016-2025) di bawah ASEAN Commission on the Discrimination and Protection on the Rights of Women and Children.

Majlis juga diselajurkan dengan penyerahan Geran Mikro Keusahawanan kepada syarikat Siege Pollyfox Enterprise yang diusahakan bersama oleh usahawan-usahawan belia, Md. Rabi Noorahafizam bin Rozama dan Md. Hadi Fakhrullah bin Sordini.

MAJLIS DOA KESYUKURAN DAN KHATAM AL-QURAN WARGA KKBS BAGI TAHUN 2020

DEWAN DIGADONG, KKBS 16 DISEMBER

WEBINAR 'KEMAHIRAN PENYELIAAN'

oleh Yang Mulia Awang Telemachus Lo, Syarikat SMT Learning Solutions Plt,

Dewan Citra Budaya, KKBS, 28 Disember

Menyantuni Golongan Orang Kelainan Upaya

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 10 JamadilAwal 1442H/ 25 Disember 2020M

Disediakan oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Perkembangan,
Jabatan Hal Ehwal Masjid,
Kementerian Hal Ehwal Ugama,
Negara Brunei Darussalam

Islam adalah agama rahmah yang merentasi batas keturunan, warna kulit, bangsa mahupun kedudukan.

Islam tidak pernah membezakan antara yang kaya dengan yang miskin, dan Islam juga tidak pernah menyisihkan umatnya sama ada yang dilahirkan sempurna ataupun dilahirkan dengan kelainan upaya.

Daripada Abdullah bin 'Amru Radhi Allahu 'Anhuma, Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

Orang-orang yang mengasihi itu akan dikasihi oleh Yang Maha Pengasih, oleh kerana itu, kasihilah siapa yang ada di bumi, nescaya kamu akan dikasihi oleh yang ada di langit (HR Imam Tarmizi)

GOLONGAN ORANG KELAINAN UPAYA

Golongan Orang Kelainan Upaya adalah sebahagian daripada masyarakat kita. Kehadiran mereka bukanlah untuk dihina dan dicerca, tetapi mereka hendaklah difahami, dibantu dan dibimbing supaya mereka berasa dikasihi, dihargai dan tidak berasa disisihkan oleh masyarakat.

Mengikut statistik di Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, sehingga kini, terdapat seramai:

7,248 Orang Kelainan Upaya yang berdaftar

APA YANG KITA BOLEH BUAT?

- Menyedari bahawa golongan Orang Kelainan Upaya merupakan pelengkap masyarakat dan negara
- Mengikis sebarang sangkaan buruk terhadap Orang Kelainan Upaya
- Menyantuni setiap golongan Orang Kelainan Upaya dimana saja mereka berada, terutamanya di Negara Brunei Darussalam
- Memupuk rasa syukur di atas segala nikmat yang telah Allah kurniakan kepada kita

Hari Antarabangsa Orang Kelainan Upaya

Setiap 03 Disember

Tema: Bukan Semua Kecacatan Itu Nampak dari Mata Kasar

Tujuan sambutan ini ialah untuk:

Memperingatkan kita bahawa mereka juga adalah sebahagian daripada masyarakat dan mereka merupakan pelengkap masyarakat di Negara Brunei Darussalam

Meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap cabaran-cabaran dalam kehidupan yang dihadapi oleh golongan Orang Kelainan Upaya

Tim Penerbitan Unit Perhubungan Awam ***Penyunting & Penyemak***, Unit Perhubungan Awam ***Perwajahan dan Aturhuruf*** Unit Perhubungan Awam

Jurufoto Hajah Ajijah binti Haji Ali, Pg Suhaimi bin Pg Haji Othman, Haji Norfaisal bin Haji Mohd Salleh.